

Berganding bahu capai sasaran

Semua pihak perlu bekerjasama keluar daripada belenggu COVID-19

Kuala Lumpur: Semua pihak perlu berganding bahu menjayakan sasaran yang ditetapkan dalam setiap fasa Pelan Pemulihan Negara supaya dapat keluar daripada belenggu COVID-19 dan kembali kepada kehidupan normal.

Pakar Kesihatan Awam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh, berkata negara kini masih berada pada Fasa Pertama yang kritikal, justeru kerjasama pihak kerajaan dan swasta serta komuniti amat penting untuk negara bergerak ke fasa seterusnya.

"Ini masanya untuk semua pihak memainkan peranan masing-masing supaya kita dapat bergerak dari satu fasa ke fasa seterusnya dalam tempoh yang disasarkan. Jika tidak, kita akan statik pada satu fasa sahaja dan mengambil masa lebih lama un-

Selain daripada Sekatan Pergerakan Penuh (PKP 3.0) yang sedang berkuat kuasa, rakyat dalam komuniti dan di tempat kerja perlu terus mematuhi SOP ditetapkan

*Dr Sharifa Ezat Wan Puteh,
Pakar Kesihatan Awam, UKM*



tuk keluar daripada pandemik ini.

"Selain daripada Sekatan Pergerakan Penuh (PKP 3.0) yang sedang berkuat kuasa, rakyat dalam komuniti dan di tempat kerja perlu terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan," katanya kepada BH.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, semalam membentangkan Pelan Pemulihan Negara sebagai strategi peralihan keluar secara berfasa daripada kemelut pandemik COVID-19.

Strategi terbabit merangkumi empat fasa dan akan membabitkan pelan peralihan fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara berperingkat.

Katanya, setiap fasa pelan pemulihan itu berpaksikan kepada data yang bersandarkan tiga indikator ambang utama iaitu ke-

adaan penularan COVID-19 dalam komuniti berdasarkan bilangan kes jangkitan harian, keupayaan sistem kesihatan awam berdasarkan kadar penggunaan katil di wad unit rawatan rapi (ICU) dan tahap populasi yang dilindungi berdasarkan peraturan yang lengkap menerima dua dos suntikan vaksin.

Dr Sharifa Ezat berkata, bagi menjayakan pelan itu, kerjasama dan komunikasi perlu diberi penekanan oleh pihak kerajaan dan swasta supaya tidak berlaku kecelaruan arahan dan salah maklumat.

"Selain itu, kadar kebolehan jangkitan (R_0) mesti terus turun sehingga nilainya kurang 0.5 dan mengelakkan aktiviti yang boleh mencetuskan penularan wabak seperti Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah, tahun lalu," katanya.

Sementara itu, Pakar Peruba-

Strategi utama untuk jayakan Pelan Pemulihan Nasional ketika ini adalah rakyat terus patuh kepada SOP dan segera dapatkan vaksin

*Dr Malina Osman,
Pakar Perubatan Kesihatan Awam
(Epidemiologi & Biostatistik) UPM*



tan Kesihatan Awam (Epidemiologi & Biostatistik) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman, berkata strategi utama untuk menjayakan Pelan Pemulihan Nasional ketika ini adalah rakyat terus patuh kepada SOP dan segera mendapatkan vaksin.

Dr Malina berpendapat, selain mengambil kira jumlah kes jangkitan harian yang menjadi indikator untuk bergerak ke fasa seterusnya di bawah pelan itu, kerajaan juga perlu melihat kepada jumlah kes aktif semasa.

"Ketika ini, kes aktif melebihi 70,000 kes. Jika kes aktif didapati berada dalam trend menurun dalam masa dua minggu, kita jangkakan keadaan situasi akan semakin baik.

"Bagi saya sendiri, jika kes aktif menurun sehingga di bawah 20,000 kes, ia sesuatu yang agak

melegakan dan seterusnya, semua pihak perlu komited untuk menurunkan jumlah kes aktif ini," katanya.

Dari aspek ekonomi, Dr Malina turut mencadangkan supaya syarikat yang didapati sudah memvaksin pekerja mereka dalam jumlah yang besar boleh dibenarkan beroperasi.

"Jika kita menunggu sasaran angka mereka yang divaksin secara keseluruhan tercapai, ia akan mengambil masa yang lama untuk sesebuah syarikat itu boleh beroperasi semula.

"Sebagai contoh, jika 50 peratus pekerja sesebuah syarikat itu sudah menerima vaksin, syarikat itu sudah boleh beroperasi dengan syarat mereka perlu terus mematuhi SOP yang ditetapkan, sekali gus menyumbang kepada ekonomi negara," katanya.